

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد:

Allah swt telah memfardhukan puasa Ramadhan ke atas umatnya, Allah juga telah mensyariatkan puasa-puasa sunat yang lain selain daripada fardhu ini, serta menjanjikan ganjaran yang sangat besar, yang menjadi idaman bagi setiap orang yang beriman. Sabda Rasulullah saw:

﴿مَنْ صَامَ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، بَعَدَ اللَّهُ وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا﴾

“Sesiapa yang berpuasa satu hari pada jalan Allah, nescaya Allah akan jauhkan mukanya daripada api neraka sejauh tujuh puluh tahun.” [Mutafaq alaih].

Allah telah meletakkan garis panduan dalam melakukan puasa dan sekali-kali tidak membenarkannya untuk dilanggar. Maka menjadi kewajipan bagi setiap muslim mengetahui dan mempelajarinya untuk menjaga ibadat yang besar ini.

Catatan ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang membatalkan puasa menurut kajian ulama’ semasa.

Menunaikan ibadat puasa dengan sempurna merupakan perkara asas yang perlu diketahui oleh setiap muslim, menjaga puasa dari perkara yang membatalkannya juga tidak kurang pentingnya, oleh itu perbincangan tentang perkara ini adalah perlu untuk menjaga puasa dari terbatal, dan membatalkan puasa dengan perkara yang sebenarnya tidak membatalkannya akan menyempitkan ruang yang telah diperluas-kan oleh Allah swt. Ayat 185 dari Surah Al-Baqarah adalah salah satu ayat yang telah disebut oleh Allah swt tentang keringanan syariat-Nya:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ، وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ﴾

{Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.}

RUKUN PUASA

Rukun puasa ada dua, iaitu:

1) Berniat pada malam harinya.

Sabda Nabi saw:

﴿مَنْ لَمْ يُجْمَعْ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ﴾ [رواه أبو داود، "صحيح"]. وعند النسائي: ﴿مَنْ لَمْ يُبَيِّنِ الصِّيَامَ مِنَ اللَّيْلِ فَلَا صِيَامَ لَهُ﴾ [صحيح سنن النسائي]

Maksudnya: “Sesiapa yang tidak berazam (berniat) pada waktu malam, maka tidak ada puasa (fardhu) baginya”

2) *Imsak*, menahan diri dari perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai terbit fajar hingga terbenam matahari.

Antara perkara yang patut diberikan fokus mendalam di waktu Ramadhan adalah:-

1) Mencapai Taqwa:

Firman Allah yang mengarahkan kita berusaha meraih taqwa di dalam bulan ini. Perbincangan berkenaan kaedah, cara dan cabaran yang boleh menghalang kita mencapai target ini perlu diberikan perhatian lebih.

2) Bulan Ingatan Fungsi Al-Quran:

Firman Allah yang menyebut bahawa Al-Quran diturunkan di bulan Ramadhan ini sebagai petunjuk, bukti kebenaran petunjuk dan pembeza di antara haq dan yang batil. Justeru perbincangan berkenaan kemestian umat Islam kembali kepada Al-Quran sebagai satu-satunya formula untuk berjaya sebagai golongan bertaqwa dan selamat dunia akhirat perlu diperhebat.

3) Amaran Terhadap Pengikis Pahala Ramadhan Yang Pasti:

Sabda-sabda Nabi saw berkenaan tindakan yang boleh menghapuskan pahala puasa Ramadhan seperti bercakap kotor, nista, carut dan perbuatan jahat dan keji di waktu bulan ini. Ia perlu dipertekankan kerana ia adalah perkara yang disepakati bakal merosakkan pahala puasa seseorang

walaupun ia tidak sampai membatalkan zahir puasanya.

4) Kaedah Penambah Pahala & Redha Allah di Bulan Ramadhan Yang Pasti:

Sabda-sabda Nabi yang mengandungi janji-janji dan tawaran Allah di bulan ini juga perlu diperluas kepada orang ramai agar semakin ramai yang berpotensi ke Syurga Allah sekaligus melemahkan fungsi Syaitan dan nafsu amarah yang sentiasa ingin mengajak kepada kemaksiatan.

Seseorang yang berpuasa hendaklah menjaga diri dari melakukan perkara yang merosakkan puasa, demi untuk menjaga kehormatan ibadat yang mulia ini. Antaranya ialah:

- 1- Menahan nafsu syahwat.
- 2- Menanggung lapar dan dahaga.
- 3- Menahan diri dari bersetubuh dengan isteri di siang hari.

Semuanya dilakukan dengan niat ikhlas ibadat kerana Allah.

Inilah yang dijelaskan dari al-Quran dan as-sunnah.

Demikian juga menjauhi kata-kata nista, bohong, mengumpat, cercaan dan lain-lain dosa anggota demi kerana Allah. Ia disebut di dalam ayat al-Baqarah: 187 dan disokong oleh hadis-hadis yang banyak.

PERKARA ASAS YANG MEMBATALKAN PUASA IALAH:

Sebagaimana yang disepakati (*Ittifaq*) ulama’ berdasarkan kepada nas al-Quran, hadis dan ijma’ ialah empat perkara;

- 1) Makan,
- 2) Minum,
- 3) Jima’.

Dalilnya ialah firman Allah swt yang bermaksud: “...Maka sekarang campurilah mereka (isteri kamu) dan ikutilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu, dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, yaitu fajar. Kemudian

sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam...”. [Al-Baqarah:187].

4) Haid dan Nifas.

Dalilnya hadis Abu Said al-Khudri yang bermaksud: Sabda Rasulullah saw: “*Bukankah perempuan itu apabila mereka haid, tidak bersolat dan tidak berpuasa...*”. [Bukhari: 304, Muslim: 79].

Antara perkara yang membatalkan puasa lagi (menurut mazhab asy-syafie) ialah:

5) Sampai sesuatu (*‘ain*) ke dalam rongga (*al-Jauf*) melalui liang yang terbuka.

Maksud *‘ain* ialah sesuatu yang dapat dilihat oleh mata.

Maksud *al-Jauf* ialah otak ataupun apa yang berada di antara bawah halkum hingga ke perut.

Maksud liang terbuka ialah; mulut, telinga, qubul dan dubur, samada lelaki atau perempuan.

Oleh itu setitik air yang masuk melalui telinga membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Tetapi setitik air yang masuk ke dalam mata TIDAK membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang tidak terbuka.

Suntikan di lubang dubur membatalkan puasa kerana ia adalah liang yang terbuka. Suntikan pada urat TIDAK membatalkan puasa kerana urat adalah liang yang tidak terbuka. Begitulah seterusnya.

Semuanya ini disyaratkan dilakukan dengan sengaja, qiyas kepada makan dan minum.

Sekiranya lalat atau nyamuk, atau debu jalan masuk ke dalam *al-Jauf*, maka puasa TIDAK batal. Ini kerana untuk menghindarinya adalah tersangat susah (*masyaqqah*). Begitu juga dengan menelan air liur. Tetapi jika ia menelan air liur yang bernajis seperti gusi yang luka, walaupun air liur itu jernih dan dia tidak membersihkan

mulutnya, maka puasanya batal.

Sekiranya dia berkumur atau memasukkan air ke dalam hidung dan air itu termasuk ke dalam *jauf*-nya maka ia tidak batal, kecuali ia melampau.

Sekiranya terdapat sisa makanan dicelah-celah giginya lalu ia digerakkan oleh air liurnya tanpa sengaja lalu masuk ke dalam perutnya, maka puasanya TIDAK batal.

Sekiranya ia dipaksa untuk makan atau minum, puasanya juga TIDAK batal.

6) Muntah dengan sengaja.

Muntah yang disengajakan membatalkan puasa seseorang, sekalipun dia pasti tiada apa-apa daripada muntahan tersebut masuk semula ke dalam perutnya. Akan tetapi, puasa tidak batal sekiranya tiada upaya menahan muntahnya.

7) Mengeluarkan mani.

Air mani keluar samada dengan perbuatan berkucup dan seumpamanya atau dengan tangan (onani). Apabila seseorang berbuat demikian dengan sengaja puasanya batal. Jika tidak disengajakan dan tidak dapat menahan maninya keluar puasanya tidak batal.

8) Gila dan Murtad (*wal'iyazubillah*)

Kedua-dua perkara tersebut juga menghalang daripada puasa. Ini kerana orang yang berpuasa dalam keadaan itu telah terkeluar daripada kelayakan beribadat. [*Lihat: Al-Fiqh al-Manhaj*].

Untuk mengetahui fatwa semasa mengenai perkara ini, di bawah ini dikemukakan **Keputusan Persidangan Fiqh Antarabangsa (al-Majma' al-Fiqhi al-Islami) [No. 93 (1/10) pada 23-28 Safar tahun 1418H bersamaan 28 Jun – 3 Julai 1997] Mengenai Perkara-perkara Yang Tidak Membatalkan Puasa.**

A- Keputusannya (*Qarar*) Seperti Berikut:

- 1- Ubat titis mata, titis telinga dan basuh telinga. Ubat titis hidung atau semburan hidung, dengan syarat tidak menelan apa yang sampai ke halkum.
- 2- Ubat tablet bawah lidah yang digunakan oleh pesakit *Angina* (Jantung) dengan syarat tidak menelan apa yang sampai ke halkum.
- 3- Memasukkan ubat melalui faraj, memasukan alat perubatan, membasuh, spekulum dan jari doktor atau bidan semasa pemeriksaan vagina (sebelum bersalin).
- 4- Memasukkan teropong ke dalam salur peranakan/rahim atau alat kedalamnya. (Contoh: alat pencegah kehamilan - IUCD)
- 5- Memasukkan teropong ke salur kencing lelaki atau perempuan untuk penyediaan x-ray atau lainnya.
- 6- Menampal, mencabut, mengorek dan mencuci gigi atau menggunakan alatan dan berus gigi, dengan syarat TIADA apa-apa bahan yang memasuki perut dari prosedur tersebut.
- 7- Membasuh mulut, berkumur atau semburan mulut, dengan syarat tiada bahan masuk kedalam perut. dengan syarat tidak menelan apa yang sampai ke halkum.
- 8- Suntikan melalui kulit, otot, sendi atau pembuluh darah, KECUALI memberi makanan melalui pembuluh darah (seperti: glukos yang mengenyangkan).
- 9- Oksigen dan Gas Bius.
- 10- Bius menggunakan gas, bukan menggunakan cecair yang mengenyangkan.

- 11- Semua jenis bahan yang boleh menyerap ke dalam badan melalui kulit seperti krim, jelly atau plaster berubat.
 - 12- Sesalur dan bahan perantara untuk *arteriografi* (pemeriksaan x-ray khas jantung) atau organ lain.
 - 13- Teropong dalam rongga perut (*endiskopi*) untuk mencari punca penyakit.
 - 14- Mengambil tisu (*biopsi*) hati atau organ lain untuk ujian makmal.
 - 15- Teropong perut, dengan syarat tidak memasukkan apa-apa bahan cecair atau bahan seumpamanya.
 - 16- Memasukkan ubat atau alat ke dalam otak.
 - 17- Muntah secara tidak sengaja.
- B- Jika tidak memberi mudarat, para doktor muslim hendaklah menasihati pesakit untuk menanggungkan dulu rawatan yang meragui sehingga selesai puasa.

Tambahan dari Keputusan “Seminar Fiqh Perubatan ke 9 yang diadakan di Casablanca, Morocco, 8-11 Safar 1418/14-17 Jun 1997. Pendapat majoriti peserta menambah perkara berikut juga TIDAK MEMBATALKAN PUASA:

- 1- Suntikan ke dalam dubur, teropong dan pemeriksaan digital ke dalam dubur.
- 2- Pembedahan yang melibatkan bius sepenuhnya jika pesakit mengambil keputusan (berniat) untuk berpuasa pada malamnya.
- 3- Mesin atau dialisis buah pinggang melalui perut. TAMAT.

Penutup:

Akhirnya, sentiasalah menjaga kesempurnaan ibadat puasa dari perkara-perkara yang membatalkan dan merosakkan amalan yang suci ini, semoga amalan kita diterima oleh Allah.

Akhukum:

Abu Anas Madani,

Pondok Sungai Durian, Kelantan.
25 Rajab 1431H- 8 Julai 2010



www.dartaibah.com
(Siri 11)

رسالة

شهر رمضان المبارك

Risalah (3)
**Ramadhan
Al-Mubarak**

**Hukum
Semasa
Berkaitan
Puasa.**

Catatan:

Al-Faqir ila Allah;



www.abuanasmadani.com

1431H - 2010

Sumbangan untuk **Pondok Sg. Durian** boleh disalurkan melalui akaun "**MADRASAH MUHAMMADIAH**" No akaun: **03-072-01-011811-6 (BIMB)**